

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI KESIHATAN** memberikan pecahan perbelanjaan RM500 juta yang diperuntukkan kepada Kementerian bagi melawan COVID-19. Mengapa berlaku kekurangan PPE seperti yang dimaklumkan oleh KP Kesihatan pada 13 April 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima **peruntukan khas secara berfasa** daripada Kementerian Kewangan. Sehingga Julai 2020, **sejumlah RM1.005 bilion** telah dikhaskan untuk tujuan pencegahan dan rawatan COVID-19. Daripada peruntukan tersebut, sehingga Julai 2020, Kementerian Kesihatan telah **membelanjakan sebanyak RM650** juta melibatkan pembelian peralatan, konsumable dan *Personal Protective Equipment* (PPE), bekalan perubatan, *test kit* dan reagen bagi ujian saringan, termasuk lantikan kakitangan kontrak dan bayaran elaun COVID-19 kepada barisan hadapan dalam mengawal dan merawat COVID-19.
2. Merujuk kepada Kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan pada 13 April 2020, kuantiti PPE hanya mencukupi untuk tempoh dua (2) minggu sahaja adalah **bermaksud kepada stok bekalan sedia ada pada masa**

tersebut, namun begitu pembekalan adalah dilaksanakan secara beperingkat. Peningkatan keperluan yang mendadak di seluruh dunia telah menyebabkan berlakunya masalah kekurangan bekalan PPE secara global. Berdasarkan pemerhatian terhadap pola penggunaan PPE di fasiliti kesihatan KKM, terdapat peningkatan ketara antara 2 hingga 10 kali ganda bagi penggunaan PPE.

3. Justeru Kementerian Kesihatan telah melaksanakan **pelbagai langkah mitigasi** bagi mengatasi masalah ini termasuk memantapkan koordinasi rangkaian bekalan di fasiliti KKM melalui pelaksanaan **perolehan darurat** secara berpusat serta mengadakan **kolaborasi dengan pihak pengilang** dan pemegang taruh berkenaan bagi memastikan bekalan PPE yang berterusan untuk barisan petugas hadapan. Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga telah menerima pelbagai sumbangan PPE dari pihak-pihak yang prihatin dengan isu kekurangan PPE.

4. Pemantauan harian dilaksanakan secara berterusan melalui sistem pelaporan dan pangkalan data atas talian bagi memastikan bekalan di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan (hospital dan klinik kesihatan) tidak terputus. Sehingga kini jumlah *stockpile* di institusi-institusi kesihatan KKM telah melebihi untuk tempoh tiga (3) bulan.

5. Kerajaan juga akan sentiasa memastikan peruntukan kewangan yang mencukupi dalam memastikan wabak COVID-19 dapat diuruskan dengan baik dan terkawal.

Sekian, terima kasih.